

# Komitmen dan Peranan Guru dalam Pelaksanaan Pendekatan Pendidikan Inklusif di Malaysia

oleh

**Supiah Saad**

Jabatan Pendidikan Khas  
Kementerian Pelajaran Malaysia

## ABSTRAK

*Pendidikan Khas adalah satu cabang perkhidmatan pendidikan yang disediakan untuk murid berkeperluan khas. Bidang ini sedang berkembang pesat seiring dengan perkembangan sistem pendidikan negara. Selain perkhidmatan di Sekolah Pendidikan Khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi, Pendekatan Pendidikan Inklusif juga dilaksanakan di sekolah tertentu di seluruh negara bagi memenuhi keperluan murid dan juga permintaan ibu bapa. Dasar sedia ada yang diterima pakai sekian lama memperuntukkan hak mendapat pendidikan formal bagi kanak-kanak berkeperluan khas, dan dasar tersebut diperkukuh oleh dasar 'Pendidikan Wajib' dan 'Pendidikan untuk Semua' yang kini menjadi asas perkiraan dalam perancangan pelaksanaan pendidikan khas di Malaysia. Dengan termaterai dua dasar tersebut, pendekatan pendidikan inklusif menjadi perkara penting dalam menghadapi cabaran dan isu-isu semasa pendidikan khas. Kertas ini membincangkan komitmen dan peranan guru aliran perdana dalam menangani murid berkeperluan khas berdasarkan dapatan kajian-kajian empirikal yang telah dilaksanakan di negara ini dan kajian rintis yang sedang dijalankan di beberapa sekolah tertentu.*

## 1. PENGENALAN

Jeffrey Freed dan Laurie Parsons mengupas pendekatan alternatif bagi menangani salah-padan sistem pendidikan dengan keperluan sebenar kanak-kanak dalam buku *Right Brained children in the Left Brained World*. Beberapa teknik sesuai untuk kanak-kanak yang gagal memenuhi kehendak sistem di aliran perdana telah diketengahkan penulis berkenaan. Majoriti kanak-kanak yang mempunyai *deficit* seperti ADHD atau disleksia adalah *right brained*. Sebahagian besar kanak-kanak ini berada dalam aliran perdana kerana *deficit* yang dialami adalah tidak dapat di buktikan dengan menggunakan model perubatan (simptom yang boleh dibuktikan secara saintifik melalui ujian makmal) sebaliknya memerlukan model sosial (simptom tingkahlaku). Sejauh mana guru-guru aliran perdana di Malaysia dapat menangani kanak-kanak yang mengalami salah-padan antara gaya belajar yang berorientasikan visual atau kerana 'deficit' tertentu?

### 1.1 Sistem Pendidikan di Malaysia

Malaysia mengamalkan sistem pendidikan berpusat dan Kementerian Pelajaran bertanggungjawab terhadap pembangunan dan pengurusan pendidikan formal untuk setiap

kanak-kanak termasuk individu berkeperluan khas atau kurang upaya. Dalam Akta Pendidikan 1996, konsep ketidakupayaan (*disabled*) adalah merangkumi murid yang mempunyai masalah penglihatan, pendengaran dan masalah pembelajaran (Bahagian H, Seksyen 41). Konsep tersebut tidak merangkumi sebahagian kecil *kanak-kanak berkeperluan khas* (KBK). Definisi yang diguna pakai oleh agensi antarabangsa yang terlibat dengan kepentingan KBK adalah lebih luas, misalnya skop definisi ketidakupayaan yang digunakan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) merangkumi 3 aspek iaitu *impairment*, *disabilities* dan *handicap*. Hallahan dan Kauffman (2000) pula mendefinisikan kanak-kanak yang mempunyai ketidakupayaan dengan lebih menyeluruh iaitu kanak-kanak yang mempunyai masalah pembelajaran, masalah emosi atau tingkah laku, masalah pendengaran atau penglihatan, masalah bahasa dan komunikasi, masalah fizikal dan kesihatan, autisma, pintar cerdas/berbakat dan juga masalah kognitif. Selain membincangkan fakta dapatan kajian, melalui kertas pembentangan ini penulis berhasrat menyebarkan maklumat tentang pendidikan khas di Malaysia khususnya bagi meningkatkan kesedaran umum tentang kehadiran *murid berkeperluan khas* (MBK) di aliran perdana.

## 1.2 Pendidikan Kanak-kanak Berkeperluan Khas (KBK) di Malaysia

Terdapat empat kementerian yang terlibat secara langsung menyediakan perkhidmatan pendidikan untuk KBK di Malaysia iaitu Kementerian Pelajaran (KPM), Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) serta Kementerian Kesihatan (KKM). Agensi-agensi di bawah kementerian berkenaan diberi tanggungjawab merancang dan melaksanakan pelbagai program untuk golongan berkeperluan khas. Antara bidang tugas utama setiap kementerian adalah seperti berikut;

KPM: Pendidikan formal peringkat prasekolah, rendah dan menengah

KKM: 1. Proses Saringan dan Diagnostik  
2. Intervensi awal

KPWKM: 1. Pendidikan tidak formal  
2. Intervensi awal

KPT: Pendidikan tinggi (tertiary education)

Dengan adanya Dasar Pendidikan Wajib 2002, pendidikan peringkat sekolah rendah untuk semua kanak-kanak termasuk kanak-kanak berkeperluan khas adalah wajib di negara ini. Ibu bapa yang gagal mendaftar anak dalam umur persekolahan peringkat rendah boleh didakwa. Dasar ini diperkukuhkan lagi oleh Artikel 8, Perlembagaan Malaysia mengenai 'Disabled Person Act 2002' serta komitmen Malaysia dalam deklarasi-deklarasi antarabangsa iaitu deklarasi *Education for All (EFA) 2000* dan *Biwako Millenium Framework 2002*. Ini bermakna kerajaan bertanggungjawab menyediakan pendidikan bersesuaian mengikut keperluan untuk semua kanak-kanak termasuk golongan yang mempunyai kecacatan/ketidakupayaan. Untuk memenuhi tanggungjawab tersebut maka KPM dan kementerian-kementerian lain yang dinyatakan di atas, memainkan peranan dalam menyediakan kemudahan pendidikan untuk kanak-kanak berkeperluan khas.

Walaupun dasar dan peraturan yang sedia ada menggariskan fungsi dan tanggungjawab setiap kementerian, ada banyak pihak yang menyuarakan supaya KPM memikul tanggungjawab pendidikan bagi setiap kanak-kanak dalam umur persekolahan tanpa mengira jenis kecacatan dan darjah kecacatan yang dialami. Sehubungan itu KPM telah mengamanahkan Universiti Sains Malaysia (USM) menjalankan satu kajian bagi meninjau kemungkinan KPM mengambil alih tanggungjawab pendidikan MBK yang sedang dikendalikan oleh kementerian-kementerian lain. Kajian 2004 tersebut diberi tajuk **Kajian Fasibiliti Kementerian Pendidikan Mengambil Alih Semua Aspek Pendidikan Bagi Kanak-Kanak Berkeperluan Khas**. Kajian ini melibatkan pelbagai pihak yang berkaitan dengan keperluan dan kebajikan golongan berkeperluan khas. Sampel terdiri daripada pelbagai kategori termasuk daripada kalangan badan bukan kerajaan. Manakala kaedah yang digunakan dalam kajian ini adalah mengikut keperluan iaitu sama ada untuk mendapatkan pandangan umum atau kupasan terperinci. Soal selidik, temu bual, *focus group*, dan analisis dokumen digunakan bagi tujuan tersebut.

Dapatan kajian mengetengahkan kekuatan yang ada pada KPM untuk mengambil alih peranan pendidikan MBK di Malaysia. Turut disenaraikan adalah kelemahan yang perlu ditangani sebelum KPM memikul tanggungjawab tersebut. Secara keseluruhan dapatan kajian menunjukkan masyarakat umum dan pihak yang terlibat langsung dengan kanak-kanak berkeperluan khas di negara ini mahu KPM memainkan peranan yang lebih besar dengan mengambil alih atau memberi sumbangan secara langsung dalam semua aspek pendidikan bagi kanak-kanak berkeperluan khas. Dapatan kajian ini telah diambil kira oleh Jabatan Pendidikan Khas (JPK) dalam penggubalan perancangan strategik 10 tahun pendidikan khas.

### **1.3 Pendidikan Kanak-kanak Berkeperluan Khas Kelolaan KPM**

Akta Pendidikan 1996 Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) menggariskan tanggungjawab Kementerian dalam menyediakan perkhidmatan pendidikan untuk KBK. Individu yang dikenal pasti oleh pengamal perubatan bertauliah sebagai ‘mengalami kecacatan yang boleh mengganggu proses pembelajaran di kelas normal’ kerana masalah penglihatan, pendengaran dan masalah pembelajaran adalah di kategori sebagai murid pendidikan khas. Bab 8 dalam Akta tersebut menyebut:

‘Menteri hendaklah mengadakan pendidikan khas di sekolah khas atau di mana-mana sekolah rendah atau menengah yang difikirkan sesuai dan bermanfaat oleh Menteri Pendidikan’.

Pendidikan formal peringkat prasekolah, rendah dan menengah disediakan oleh KPM. Dengan kuasa menteri, perkhidmatan pendidikan untuk kanak-kanak berkeperluan khas disesuaikan dengan pelbagai aspek berkaitan kecacatan yang dialami individu berkeperluan khas serta kehendak ibu bapa. Misalnya dengan persetujuan menteri, KBK boleh di hantar ke sekolah swasta atau menjalani *home schooling* iaitu setelah ibu bapa memenuhi kriteria tertentu mengikut ketetapan.

Setiap individu yang mempunyai kecacatan atau *deficit* boleh memohon taraf sebagai orang kurang upaya (OKU) dan sebaik saja disahkan sebagai OKU, mereka layak menerima kemudahan yang diperuntukkan di bawah Akta OKU. Namun begitu dalam aspek pendidikan, kelayakan mengikuti program pendidikan kelolaan KPM tertakluk kepada peraturan-peraturan yang terkandung dalam Akta Pendidikan 1996. Dengan kata lain, tidak semua kanak-kanak OKU

diterima sebagai '*murid pendidikan khas*' (MPK). Sehubungan itu wujud dua kategori MBK adalah seperti berikut:

1. Murid berkeperluan khas yang dikelaskan sebagai murid pendidikan khas. Pendidikan golongan ini disediakan oleh KPM dengan diselia oleh JPKhas.

Contoh:- Murid masalah penglihatan, pendengaran dan pembelajaran (kognitif).

Selain faktor tersebut ada beberapa faktor lain yang diambil kira dalam penyediaan kemudahan bagi murid pendidikan khas di bawah kelolaan KPM adalah:

- i. Umur: 4 + tahun hingga 19 tahun
- ii. Kebolehan mengurus diri tanpa bantuan orang lain
- iii. Boleh bergerak bebas tanpa bantuan orang lain

2. Murid berkeperluan khas tetapi bukan murid pendidikan khas.

Pendidikan untuk golongan ini adalah di bawah kelolaan KPM tetapi dalam bidang kuasa dan penyeliaan Bahagian Sekolah.

Contoh: - Murid cacat anggota adalah MBK tetapi bukan murid pendidikan khas. Jika mereka mempunyai keupayaan kognitif dan deria yang normal mereka akan belajar bersama rakan sebaya yang normal di aliran perdana. Sebaliknya jika mereka juga mempunyai masalah pembelajaran (kognitif), agensi yang menyediakan pendidikan adalah Jabatan Kebajikan Masyarakat iaitu di bawah KPWK M.

JPKhas dipertanggungjawab menyelaras dan menyediakan perkhidmatan pendidikan untuk MPK, manakala murid yang mempunyai masalah fizikal diletakan dalam sistem kebangsaan setara dengan rakan sebaya yang normal kerana mereka dianggap mempunyai deria dan kognitif yang normal dan boleh mengikuti P& P di kelas biasa.

Jadual 1 di bawah menunjukkan rumusan pelbagai kategori KBK, status dan agensi (Kementerian/Jabatan) yang menyediakan program pendidikan bagi setiap kategori tersebut.

Jadual 1: Kategori KBK dan peruntukan program pendidikan

Bil	Kategori masalah KBK	Status	Agensi /Penempatan
1	Deria: penglihatan atau atau pendengaran	OKU: Murid Pendidikan Khas	KPM: Sekolah Khas; Integrasi; Inklusif
3	Kognitif (ringan): Masalah Pembelajaran	OKU: Murid Pendidikan Khas	KPM: Integrasi; Inklusif
4	Kecacatan Pelbagai (Multiple)	OKU: bukan Murid Pendidikan Khas	JKM/NGO: Institusi/harian
5	Fizikal (Kognitif normal)	OKU: bukan Murid Pendidikan Khas	KPM: Inklusif
6	Emosi dan Tingkah laku (ringan/serdana)	i. OKU: Tersisip dalam kategori Masalah Pembelajaran jika keupayaan mental di bawah paras normal. ii Bukan OKU: Jika keupayaan	KPM: Integrasi (Masalah Pembelajaran) Inklusif (murid biasa)

Bil	Kategori masalah KBK	Status	Agensi /Penempatan
		mental normal (atau di atas paras normal)	
7	Disleksia (ringan/sederhana)	I OKU: Tersisip dalam kategori Masalah Pembelajaran jika keupayaan mental di bawah paras normal. ii Bukan OKU: jika belum didiagnosis	KPM: Integrasi (Masalah Pembelajaran)  Inklusif (murid biasa)
8	Penguasaan 3M (Pemulihan Khas)	Bukan OKU: tiada diagnosis khusus	KPM: murid biasa

**Catatan:** - Kategori masalah KBK ini adalah bagi kegunaan kertas kerja ini sahaja dan definisi pengoperasian disediakan dalam lampiran 1.

- OKU: Orang Kurang Upaya

Daripada Jadual 1 di atas, jelas sekali keunikan KBK. Keperluan setiap individu adalah berlainan, yakni keperluannya berbeza walaupun daripada kategori yang sama. Sehubungan itu proses pendedahan atau intervensi awal adalah sangat penting. Proses tersebut perlu diberi sebaik sahaja seseorang kanak-kanak dikenal pasti sebagai berkeperluan khas iaitu sebelum umur prasekolah. Buat masa ini, perkhidmatan intervensi awal disediakan oleh KKM dan KPWK (Jabatan Kebajikan Masyarakat) serta badan-badan bukan kerajaan atau swasta. KPWK melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat akan mengeluarkan kad ‘Orang Kurang Upaya’ (OKU) bagi setiap individu yang disahkan mempunyai kecacatan.

#### 1.4 Murid Berkeperluan Khas di Aliran Perdana

Pendekatan pendidikan inklusif adalah antara beberapa pilihan yang ada untuk KBK di Malaysia. Dalam konteks definisi pendidikan khas di Malaysia, pendekatan ini masih terbatas dilaksanakan mengikut acuan Malaysia serta terdapat di sekolah-sekolah tertentu sahaja. Sebagaimana digambarkan dalam Jadual 1, terdapat pelbagai kategori KBK dalam setting inklusif. Namun begitu terdapat 4 kategori KBK yang boleh didapati di merata sekolah dalam aliran perdana. Mereka ialah dalam kategori masalah :

- i. fizikal (cacat anggota)
- ii. emosi dan tingkah laku (autisma dan ADHD)
- iii. pembelajaran khusus Disleksia (dyslexia)
- iv. penguasaan kemahiran 3M

Kertas pembentangan ini akan memberi fokus kepada kajian yang dijalankan ke atas MBK bermasalah emosi dan tingkah laku. *Disorder* berkaitan kategori ini sukar dikesan secara kasar kerana simptom yang dipamerkan adalah dalam bentuk tingkah laku. Simptom tersebut bertindan dengan perlakuan kanak-kanak yang sedang mengalami pertumbuhan dalam aspek fizikal dan psikososial. Selain itu keadaan fizikal KBK emosi dan tingkahlaku adalah normal dan keupayaan kognitif kebanyakan kanak-kanak golongan ini adalah normal atau melebihi paras normal. Dengan kata lain, pada umumnya perkembangan fizikal, mereka adalah setara dengan

perkembangan rakan sebaya yang normal. Dengan demikian, ramai guru dan ibu bapa tidak menyedari masalah sebenar kanak-kanak ini. Akibatnya mereka dianggap malas atau degil atau bermasalah, malah ada yang dianggap biadab apabila mereka tidak dapat memenuhi kehendak norma bilik darjah/pembelajaran atau tatasusila masyarakat setempat/sekolah.

## **2. KAJIAN KES**

Apa perlunya kajian tentang komitmen dan peranan guru aliran perdana dalam pelaksanaan pendidikan inklusif di Malaysia? Banyak kajian tentang guru telah dijalankan oleh pelbagai pihak. Namun begitu, kajian tentang pendidikan inklusif di Malaysia adalah amat sedikit. Dalam iklim pendidikan yang menekankan kualiti, komitmen dan peranan guru adalah dua elemen yang kritikal dalam menentukan peningkatan kualiti pendidikan secara menyeluruh dan cepat.

Kajian ini hanya kajian kes mengenai komitmen guru di aliran perdana dan bukan untuk tujuan membuktikan sebarang teori. Walau bagaimana pun ia membuka ruang untuk perbincangan yang mungkin boleh di jadikan asas kajian yang lebih terperinci dan sistematik.

### **2.1 Soalan Kajian**

- i. Apakah faktor yang mempengaruhi tahap komitmen dan peranan guru dalam pelaksanaan pendidikan inklusif ?
- ii. Sejauh mana guru di aliran perdana komited dengan proses pengajaran dan pembelajaran MBK dalam tanggungjawab mereka ? dan
- iii. Apakah strategi guru aliran perdana dalam mengatasi masalah MBK

### **2.2 Kaedah**

Perbincangan dalam kertas ini adalah berasaskan beberapa sumber maklumat. Antaranya adalah respons guru yang terlibat dalam kajian rintis program pendidikan khas integrasi pendekatan inklusif dalam interaksi dengan penulis melalui perbincangan formal dan juga tidak formal. Selain itu maklumat juga di dapati daripada beberapa kajian ilmiah dan kajian tindakan yang berkaitan pendidikan inklusif secara langsung atau tidak langsung.

Maklumat tersebut digandingkan dengan maklumat perkembangan semasa yang didapati melalui projek rintis dalam program pendidikan khas. Dengan kata lain, secara khusus kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat bagi penulisan kertas ini adalah seperti berikut:

- i. Analisis dokumen laporan kajian-kajian empirikal mengenai pendidikan inklusif di Malaysia: sikap guru; pengetahuan guru aliran perdana tentang pendidikan khas, persepsi guru tentang MBK
- ii. Perbincangan tidak formal dengan guru dan pentadbir sekolah
- iii. Pemerhatian dalam kelas yang terdapat MBK
- iv. Keratan artikel akhbar
- v. Diari penulis: Pengalaman penulis dalam menjalankan pemantauan program pendidikan khas dan interaksi sosial seharian

### 2.3 Batasan kajian

Oleh sebab maklumat yang dikumpulkan untuk penulisan ini menggunakan kaedah yang berbeza untuk tujuan perbandingan, maka dapatan kajian ini hanyalah merupakan satu spekulasi tersusun. Untuk membuat sebarang generalisasi terhadap komitmen dan peranan guru aliran perdana di Malaysia dalam pelaksanaan pendidikan inklusif, maka satu kajian yang lebih sistematik dan terperinci perlu dibuat dengan mengambil kira perbincangan ini .

## 3. DAPATAN

Pendekatan Pendidikan inklusif ini telah wujud secara semula jadi di negara ini di mana pelbagai kategori MBK belajar bersama rakan sebaya yang normal tanpa sebarang kemudahan tambahan atau khidmat sokongan. Namun begitu konsep pendidikan inklusif yang tersusun adalah satu inovasi pendidikan yang radikal di Malaysia buat masa ini. Berdasarkan analisis kajian-kajian yang ada di Malaysia beberapa dapatan dapat disimpulkan seperti berikut;

### 3.1 Pengetahuan guru tentang pendidikan khas dan MBK

Pepatah Melayu ada mengatakan ‘tidak tahu maka tak cinta’. Guru yang kurang pengetahuan tentang murid berkeperluan khas biasanya kurang prihatin terhadap MBK. Tahap pengetahuan guru aliran perdana tentang pendidikan khas adalah masih rendah. Spekulasi ini dibuat berdasarkan fakta berikut:

- Hanya 12 peratus (1/8) guru prasekolah aliran perdana tahu definisi pendidikan inklusif (Supiah Saad, 2003).
- Tidak ada seorang pun daripada 28 orang guru aliran perdana yang ditanya dapat memberi maksud pendidikan inklusif dan pendidikan khas dengan tepat. Kebanyakan menjawab tidak pernah dengar perkataan tersebut (pengalaman penulis sebagai panel temuduga biasiswa 2005).
- Kesemuanya 12 orang warga pendidik aliran perdana yang ditemui secara tidak dirancang (dalam situasi dan masa berasingan), tidak faham maksud ‘*special education*’ atau pendidikan khas. Mereka faham singkatan OKU (orang kurang upaya) tapi bila ditanya lebih lanjut tentang kanak-kanak OKU, ‘buta dan pekak’ adalah golongan OKU yang mereka tahu (Diari penulis dari Januari 2004 hingga Jun 2005, interaksi sosial).

### 3.2 Sikap dan penerimaan guru terhadap MBK

Kajian Haniz Ibrahim (1998) telah mendapati beberapa halangan yang menjadi kekangan kepada keberkesanan pendidikan inklusif; antaranya adalah sikap negatif guru sekolah rendah terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif. Berlandaskan fakta ini, analisis dapatan daripada beberapa kajian kes terdahulu serta kajian rintis dibuat.

Sikap guru aliran perdana terhadap perubahan dan pelaksanaan pendidikan inklusif adalah satu isu yang telah banyak dikaji secara empirikal di negara maju. Menurut Clough dan Lindsay (1991) untuk meminimumkan kesan negatif ke atas pendidikan inklusif, perubahan tidak boleh dibuat secara mendadak atau mengambil kira satu pandangan sahaja (immediately or unilaterally). Kekeliruan sukar dielakkan terutama bagi guru yang belum pernah mendengar

tentang pendidikan murid khas. Kajian Haniz Ibrahim (1998) telah mendapati guru aliran perdana di sekolah rendah bersikap negatif terhadap pelaksanaan pendidikan inklusif. Berlandaskan fakta ini, analisis dapatan daripada beberapa kajian kes terdahulu serta kajian rintis dibuat. Keputusan analisis menunjukkan;

**i. Penerimaan guru terhadap MBK:** Penerimaan awal guru aliran perdana terhadap MBK yang belum didiagnosis lebih positif berbanding murid yang sudah di label dengan sesuatu masalah. Kesan *Labelling* ke atas MBK adalah ketara dalam pelaksanaan pendidikan inklusif. Dapatan kajian tindakan oleh Nik Khairunnisa 2004 menunjukkan guru aliran perdana tidak melibatkan MBK dalam P&P menyebabkan MBK berkenaan tidak suka masuk ke kelas pendekatan inklusif. Selain itu dapatan juga menunjukkan guru aliran perdana berkenaan tidak memahami dengan jelas peranan yang boleh dimainkan untuk menangani murid khas. Keadaan yang sebaliknya berlaku di dalam perkembangan kajian rintis pendekatan inklusif untuk murid autisma selepas guru diberi pendedahan yang cukup tentang MBK. Guru-guru yang pada awalnya risau dan ragu-ragu untuk mengambil bahagian dalam projek tersebut telah memberi komitmen yang padu selepas memahami peranan mereka sebenar dan murid-murid khas yang terlibat menunjukkan perkembangan yang sangat positif. Selepas 2 bulan diinkluskasikan murid-murid autisma turut menduduki peperiksaan pertengahan tahun untuk setiap mata pelajaran, sama seperti rakan sebaya yang normal. Pencapaian mereka dalam peperiksaan tersebut juga membanggakan.

**ii. Komitmen Pentadbir sekolah:** Persepsi dan komitmen guru besar dalam menangani isu MBK mempunyai impak ke atas sikap guru terhadap MBK. Berdasarkan dua sumber maklumat yang didapati dalam konteks yang berbeza, dua situasi sikap guru aliran perdana hasil campur tangan pentadbir dapat dibuat perbandingan; iaitu;

- Terdapat guru yang proaktif, mencari jalan penyelesaian bagi menangani MBK dengan berkesan. Mereka ini adalah guru yang prihatin dan bersikap positif dalam banyak perkara.
- Ada guru yang komited atas dasar kewajipan yang diamanahkan. Mereka akan membuat kerja mengikut arahan dan kurang inisiatif untuk memperbaiki kemahiran dan pengetahuan tentang MBK.

#### 4. CADANGAN DAN KESIMPULAN

MBK adalah unik. Konsep sendiri MBK pada umumnya adalah rendah berbanding rakan sebaya yang normal. Pengalaman dan tahap pendedahan awal yang diterima menentukan tahap keyakinan dan jati diri setiap individu. Menurut Fay and Funk (1995), konsep sendiri mempunyai 2 ciri penting iaitu; rapuh/mudah rosak serta bersifat konservatif dan kalis perubahan (*resistant to change*). Gabungan kedua-dua ciri tersebut menyebabkan manusia mencipta 'defense mechanisms' untuk melindungi diri daripada sebarang perubahan (*necessity to change*). Pada umumnya MBK yang mempunyai masalah 'kecelaruan mental' (*mental disorders*) termasuk masalah emosi dan tingkahlaku, mempunyai *defence mechanisms* kental. Kejayaan sesuatu intervensi sangat bergantung pada ketekalan usaha guru dan ibu bapa. Misalnya MBK yang mempunyai ciri-ciri autisma, terikat dengan rutin atau kebiasaan dan sebarang perubahan mendadak pada rutin tersebut akan mendatangkan krisis yang besar. Banyak elemen penting



diperlukan bagi mengelakkan krisis. Elemen sedemikian juga perlu untuk mewujudkan interaksi yang berkesan antara MBK dan persekitaran dalam bilik darjah. Antara elemen yang kritikal ialah ciri yang berkaitan rapat dengan peranan dan komitmen guru. Ciri tersebut adalah seperti berikut (susunan tidak mengikut keutamaan):

1. Kasih sayang dan keikhlasan
2. Pengetahuan guru tentang MBK
3. Sikap (positif) dan penerimaan tanpa syarat
4. Konsistensi yang berserta motivasi berterusan
5. Strategi dalam pengajaran (memindahkan teori pembelajaran ke dalam bentuk yang praktikal)
6. Kepakaran (Elemen luaran guru pendidikan khas;- contohnya bahasa isyarat untuk murid masalah pendengaran dan braille untuk masalah penglihatan)

Guru sejati mendidik murid dengan penuh komitmen yang melambangkan rasa sayang dan keikhlasan. Selain itu 'love and logic' turut menjadi ramuan penting dalam proses pendidikan MBK. MBK yang telah mencapai kejayaan dalam kehidupan biasanya mempunyai model di sebalik kejayaan tersebut. Guru dan ibu bapa adalah model terbaik bagi MBK. Guru yang prihatin mempunyai ciri kasih sayang dan keikhlasan.

Dapatan kajian kes (kualitatif) yang dijalankan oleh penulis ke atas 8 guru prasekolah aliran perdana menunjukkan 62 peratus mempunyai ciri semula jadi yang menzahirkan kasih sayang dan ikhlas dalam menjalankan tugas menangani murid yang mempunyai ADHD dalam kelas masing-masing walaupun mereka tidak mengetahui pendekatan untuk menangani masalah ADHD (Supiah Saad, 2003). Namun begitu kasih sayang dipamerkan adalah secara tidak langsung dan amat tersirat. Sangat sedikit perluhan kasih sayang bentuk lisan (berbanding interaksi orang dewasa dengan kanak-kanak dalam budaya masyarakat barat yang mempamerkan kasih sayang secara lisan). Spekulasi ini dibuat berdasarkan usaha dan komitmen guru mencari cara yang berkesan melalui pelbagai usaha termasuk 'cuba-jaya' dan mencari maklumat daripada sumber luar seperti bertanya rakan yang tahu tentang MBK dan berkunjung ke rumah murid.

Untuk menjana suasana pembelajaran yang kondusif, hubungan positif antara guru dan murid adalah penting. Sebagaimana dinyatakan sebelum ini, murid berkeperluan khas mempunyai konsep sendiri yang rendah hasil interaksi yang negatif dan pengalaman yang tidak konstruktif. Untuk mengubah konsep sendiri murid berkeperluan khas, usaha orang dewasa yang berterusan serta gigih dan mengambil masa yang lebih panjang. Penolakan (rejection) daripada ibu bapa atau keluarga kerana kecacatan atau *déficit* yang ada dan kritikan yang berterusan daripada rakan sebaya atau masyarakat menyebabkan murid berkeperluan khas kurang keyakinan diri. Bagi murid berkeperluan khas, perubahan adalah perkara yang tidak digemari kecuali ke arah perkara/tugasan yang sangat diminatinya. Guru perlulah menjadi sumber penjana kekuatan MBK untuk berubah.

### **Rujukan**

- Fay, J. dan Funk, D. (1995). *Teaching With Love and Logic*. The Love and logic Press: USA.
- Haniz Ibrahim (1998). *Inclusive Education in Malaysia: Teachers' Attitude to Change*. PhD thesis. University of Exeter. Unprinted.

- Nik Khairun Nisa Abu Bakar. (2004). Kelas Inklusif : Kesiediaan, kesesuaian dan keberkesanan program bagi murid PKBK SK Taman Sri Mawar. *Prosiding Seminar Kajian Tindakan Guru-guru Negeri Sembilan Darul Khusus kali kedua*. m.s 83-86.
- Supiah Saad (2003). Malaysian Preschool Children with ADHD in Inclusive Settings. PhD thesis. University of Warwick. Unprinted.